

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI DATU NASRUN
BIN DATU ANSUR [SILAM]**

TARIKH : 19 JUN 2014

SOALAN :

YB Datuk Haji Datu Nasrun bin Mansur [Silam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula fungsi dan peranan ESSCOM, memandangkan isu penculikan dan pencerobohan di Pantai Timur Sabah masih lagi berlaku untuk kali ketiga selepas kejadian isu Tanduo. Apakah inisiatif pihak Kerajaan dalam memperkukuhkan peralatan keselamatan yang lebih canggih untuk mencegah perkara sebegini dari terus berulang.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Berikutan tiga (3) insiden pencerobohan dan penculikan yang berlaku pada 15 November 2013 di Pulau Pom-Pom, 2 April 2014 di Resort Singahmata dan terkini pada 6 Mei 2014 di Pulau Baik, Lahad Datu, menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk mengukuhkan tahap keselamatan di Sabah Timur termasuk penilain kepada aspek-aspek kawalan keselamatan yang lebih tersusun.

Ini kerana Kerajaan amat prihatin dan komited dalam menangani isu keselamatan di ESSZONE bagi mengatasi kejadian penculikan di ESSZONE. Penubuhan ESSCOM pada peringkat awal ialah untuk mempertahankan Negara dari pencerobohan luar. Seiringan dengan itu, ESSCOM juga telah berusaha untuk membentaras jenayah rentas sempadan yang sering berlaku. Usaha-usaha tersebut yang telah diambil melalui ESSCOM dan agensi-agensi penguatkuasaan, keselamatan dan pertahanan adalah seperti berikut:

- i) Penambahan dan penggantian aset maritim kepada Pasukan Polis Marin (PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pertambahan aset-aset ini akan dapat meningkatkan kehadiran dan rondaan aset maritim di kawasan perairan yang menjadi potensi ancaman;
- i) Pembahagian sektor rondaan pelbagai agensi di laut bagi menambahkan keberkesanan pengawasan;

- ii) Response team/komuniti *policing* mengikut sektor di antara PDRM, ATM dan APMM;
- iii) Peningkatan atur gerak trup dari wilayah lain ke ESSZONE dan rondaan bersepadu ATM dan PGA di daratan;
- iv) Penambahbaikan/peningkatan pos-pos keselamatan;
- v) Op Gasak bagi membersihkan penjenayah/PATI. Sejak 24 Nov 2013 sehingga sekarang, seramai 1296 PATI telah ditahan dan seramai 3,323 orang telah diperiksa.;
- vi) Pemantauan Udara Bersepadu oleh Pasukan Gerak Udara (PGU) dan ATM;
- vii) Pewujudan 5 balai polis baru dan 3 balai polis yang sedia ada di naik taraf;
- viii) Pengukuhan keselamatan pulau-pulau yang ada pusat-pusat peranginan;
- ix) *Engagement* dengan semua *stakeholders* di ESSZONE;
- x) Peningkatan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan/perisikan Filipina; dan
- xi) Melaksanakan pendaftaran awal "Pump Boat" bagi tujuan pengawalan.

2. Kerajaan juga akan mengambil beberapa langkah baru yang bertujuan untuk memastikan keadaan keselamatan di kawasan tersebut sentiasa berada di tahap yang baik. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- i) Perancangan pewujudan *Sea Basing* di perairan ESSZONE dengan kerjasama PETRONAS;
- ii) Penguatkuasaan *Designated Route* atau laluan khusus untuk kapal-kapal/bot yang akan masuk perairan Sabah; dan
- iii) Penubuhan unit-unit sukarelawan iaitu ATM, Polis, JPAM, RELA dan sebagainya.

Bagi memastikan peningkatan kawalan keselamatan, satu pelan operasi telah diwujudkan dan ianya akan dibentangkan kepada YAB Perdana Menteri dan Majlis Keselamatan Negara dalam masa terdekat.

Sekian. Terima kasih.